

Muka 2

# UMS sedia 160 tempat untuk bakal guru

Oleh Muhd Yusuf Abu Bakar

KOTA KINABALU, Isnin - Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan menawarkan 160 tempat kepada guru lepasan maktab dan pelajar, untuk mengikuti bidang pendidikan di Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial (SPPS) mulai sesi pengajian Mei ini.

Dekan sekolah itu, Prof Datuk Kamarudin Kachar, berkata keutamaan pengambilan penuntut diberi kepada pelajar dan guru dari Sabah yang mempunyai kelayakan bagi mengikuti program berkenaan.

"Sebanyak 40 peratus tempat disediakan kepada pelajar dan guru lepasan maktab di Sabah, manakala selebihnya dari calon negeri lain.

"Ini menunjukkan SPPS dan UMS memberi perhatian kepada perkembangan pendidikan

di negeri ini, terutama menyediakan guru telatih berijazah bagi meningkatkan mutu pendidikan supaya setaraf dengan negeri lain di Malaysia," katanya kepada *Berita Harian*.

Dr Kamarudin berkata SPPS mempunyai hubungan baik dengan Jabatan Pendidikan Sabah (JPS) bagi meningkatkan kerjasama pendidikan yang boleh dimanfaatkan oleh masyarakat di negeri ini.

"SPPS menawarkan dua kursus pengajian baru iaitu Sarjana Muda Bimbingan dan Kaunseling dan Sarjana Muda Pendidikan dan Ekonomi selain Sains, Matematik dan Sosial yang ditawarkan sebelum ini," katanya.

Menurutnya, kursus yang ditawarkan SPPS mempunyai kaitan se-

cara langsung dengan pendidikan dan pembangunan penduduk di negeri ini.

"Bagi meningkatkan mutu pendidikan di Sabah, SPPS turut menawarkan kursus bagi guru pra sekolah yang mengendalikan kelas dan sekolah tadika dan pra tadika di negeri ini," katanya.

Dr Kamarudin berkata, tahap pendidikan di negeri ini boleh dipertingkatkan sekiranya semua pihak termasuk masyarakat memberi perhatian kepada pendidikan generasi muda.

"Perkongsian bijak dalam pendidikan yang diperkenalkan Kementerian Pendidikan perlu diberi perhatian khusus bagi memastikan pendidikan di negeri ini tidak ketinggalan berbanding negeri lain," katanya.